

KUALA LUMPUR, 6 NOV. (BERNAMA) -- MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA, ADA BEBERAPA BATU PENGHALANG YANG MASIH MENYEKAT TERCAPAINYA MATLAMAT RANCANGAN PELAJARAN KEBANGSAAN SEPENUHNYA.

BELIAU JUGA MENYEBUT BEBERAPA PERKARA YANG MEMBIMBANGKAN DALAM SISTEM PELAJARAN TINGGI DI NEGARA INI.

KATANYA, PERKARA-PERKARA INI HARUS DIBERI PERHATIAN BERAT KERANA KELEWATAN MENCAPAI MATLAMAT TERSEBUT AKAN MERUMITKAN LAGI PERLAKSANAAN RANCANGAN-RANCANGAN DI MASA AKAN DATANG.

BELIAU MENYATAKAN INI DALAM UCAPANNYA MERASMIKAN SEMINAR PERKEMBANGAN PELAJARAN TINGGI DI MALAYSIA MENGENAI ISSUE-
ISSUE DAN MASAALAHNYA, DI HOTEL GENTING HIGHLANDS DEKAT SINI YANG DIANJURKAN BERSAMA OLEH MAJLIS PENASIHAT PELAJARAN TINGGI DAN INSTITIUT WILAYAH BAGI PELAJARAN TINGGI DAN PEMBANGUNAN.

UCAPAN BELIAU ITU DIBACAKAN OLEH TIMBALANNYA, ENCIK CHAN SIANG SUN. -- BERSAMBUNG 1300/ZCM

539:

MAHATHIR-SEMINAR 2 KUALA LUMPUR

109

MENTERI PELAJARAN BERKATA, WALAUPUN NEGARA TELAH MEMEMPAN KEMAJUAN-KEMAJUAN YANG MENKAGUMKAN DI BIDANG PELAJARAN DALAM MASA 10 TAHUN INI (1964-1974) TETAPI JANGALAH PULA KEMAJUAN-KEMAJUAN ITU +MENGABUI MATA KITA+.

+BEBERAPA BATU PENGHALANG MASIH MENYEKAT KITA DARIPADA MENCAPI MATLAMAT RANCANGAN DENGAN SEPENUHNYA,+ KATANYA.

BELIAU LALU MENYEBUT PERKARA-PERKARA YANG MEMBIMBANGKAN DALAM SISTEM PELAJARAN TINGGI:-

+ BILANGAN YANG MENGIKUT MATAPELAJARAN SAINS DAN TEKNOLOGI SERTA BILANGAN YANG MENGIKUT SASTERA TIDAK BERTAMBAH MENGIKUT RATIO YANG DIKEHENDAKI,

+KEKURANGAN BILANGAN BUMIPUTRA DI BIDANG SAINS DAN TEKNOLOGI, DAN

+BELANJAWAN PELAJARAN YANG MENINGKAT NAIK BAGITU PESAT (MELEBIHI \$120 JUTA DALAM TAHUN INI), KHUSUSNYA DALAM BIDANG PELAJARAN TINGGI. --BERSAMBUNG 1319/A K

546:

MAHATHIR-SEMINAR 3 KUALA LUMPUR

DR. MAHATHIR BERKATA, JIKA LANGKAH-LANGKAH TEGAS TIDAK DIAMBIL MENGUBAH HALUAN MENGENAI RATIO DAN KEKURANGAN INI, MAKA NEGARA AKAN GAGAL MENGELUARKAN TENAGA MAHIR BUMIPUTRA DALAM BIDANG TEKNIKAL DAN SAINTIFIK YANG SEIMBANG DAN CITA-CITA KERAJAAN.

BELIAU BERKATA, SALAH SATU CARA MEMPERBAIKI SISTEM PELAJARAN TINGGI YANG ADA SEKARANG IALAH DENGAN MEMPERHEBATKAN LAGI RANCANGAN PELAJARAN.

MAJLIS PENASIHAT PELAJARAN TINGGI, KATANYA, BOLEH MEMAINKAN PERANAN PENTING DALAM HUBUNGAN INI.

MAJLIS ITU BOLEH MENENTUKAN BAHAWA KURSUS-KURSUS DAN USAHA-USAHA YANG DIJALANKAN DI INSTITIUT-INSTITIUT PELAJARAN TINGGI TIDAK ADA PENDUAAN.

BELIAU MENINGGATKAN LAGI BAHAWA PELAJARAN TINGGI TIDAK BOLEH DIANGGAP SEMATA-MATA SEBAGAI PERSEDIAN INDIVIDU UNTUK MENCAPI KEJAYAAN DIRI SENDIRI, TETAPI ADALAH SATU LATIHAN BAGI JENERASI MUDA MENSESUAIKAN DIRI DENGAN USAHA-USAHA PEMBANGUNAN MASYARAKAT. --BERSAMBUNG 1340/LK

550:

MAHATHIR-SEMINAR 4 KUALA LUMPUR

DR. MAHATHIR RUNSING TERHADAP KEGIATAN-KEGIATAN POLITIK DALAM KAMPUS-KAMPUS DI MASA KEBELAKANGAN INI.

KEGIATAN-KEGIATAN POLITIK ITU BUKAN SAJA AKAN MENJEJAS DAN MELEMAHKAN PELAJARAN YANG EFEKTIF SESEBUAH UNIVERSITI, TETAPI JUGA MENIMBULKAN AKIBAT BURUK KEPADA NYAWA DAN HARTABENDA.

BELIAU MENGANJURKAN SUPAYA UNIVERSITI-UNIVERSITI MENGADAKAN CARA-CARA UNTUK MENYELESAIKAN KONFLIK POLITIK INI.

JIKA TIDAK KERAJAAN TERPAKSA CAMPURTANGAN MENENTUKAN GARIS-GARIS PANDUAN DEMI KEPENTINGAN PERKEMBANGAN AKADEMIK. --BERNAMA 1355/LK